



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1997

PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN
BILANGAN 2 TAHUN 1992

KURSUS INDUKSI DI BAWAH SISTEM SARAAAN BARU (SSB)

Tujuan

1. Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan mengenai pindaan terhadap jangkamasa Kursus Induksi bagi Modul Induksi Umum di bawah Sistem Saraan Baru (SSB).

Kursus Induksi Di Bawah Sistem Saraan Baru (SSB)

2. Melalui [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992](#), semua anggota perkhidmatan awam dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan yang dilantik dan yang dinaikkan pangkat secara lantikan (KPSL) pada atau selepas 1 Januari 1992 dikehendaki mengikuti Kursus Induksi dengan jayanya sebagai salah satu syarat pengesahan dalam perkhidmatan.

Pindaan jangkamasa Kursus Induksi Bagi Modul Umum

3. Jabatan Perkhidmatan Awam setelah membuat kajian dan mendapatkan maklumbalas daripada agensi-agensi yang mengendalikan Kursus Induksi Modul Induksi Umum memutuskan supaya

jangkamasa Kursus Induksi Modul Induksi Umum bagi setiap kumpulan dipendekkan lagi. Dengan itu [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992](#) (Kursus Induksi Di Bawah Sistem Saraan baru) hendaklah dipinda seperti berikut:

- (a) Perenggan 5.3.1.1. adalah dibatalkan dan digantikan dengan perenggan baru seperti berikut:

"5.3.1.1. Jangkamasa Kursus Induksi bagi Modul Induksi Umum dan Induksi Khusus untuk setiap kumpulan anggota di perenggan 5.2.1. adalah seperti berikut:

Kumpulan	Jangkamasa	
	Induksi Umum	Induksi Khusus
Kumpulan I	3 - 4 minggu	4 hingga 6 hari
Kumpulan II	2 - 3 minggu	3 hingga 6 hari
Kumpulan III	1 - 2 minggu	2 hingga 6 hari"

Tarikh Kuatkuasa Pekeliling

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1 Januari 1997.



(DATO' HJ. KHALIL BIN HJ.HUSSAIN)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia

Kompleks JPA, Jalan Tun Ismail

KUALA LUMPUR

7 Mac 1997

Edaran:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.